

# Program Budding-PUMA, dedah aktiviti keusahawanan

**Bangit:** Seramai 200 pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menjalankan perniagaan keusahawanan dan peruncitan menyertai program Budding-PUMA di sini baru-baru ini.

Program itu adalah anjuran bersama Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (CESMED), UKM dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).

Pengarah CESMED, Prof Datin Dr Shamshubaridah Ramlee, berkata program berkenaan menawarkan pembiayaan antara RM1,000 hingga RM10,000 kepada pelajar Bumiputera yang mahu menjalankan perniagaan.

"Antara perniagaan yang dijalankan adalah penjagaan kesihatan, perdagangan am, trak makanan, fesyen dan gaya hidup, termasuk e-perdagangan (perniagaan dalam talian).

"Selain itu, perniagaan mem-babitkan pendidikan, makanan dan minuman serta kreatif dan gaya hidup," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Program Budding-PUMA di sini, baru-baru ini.

## **Pemikiran baharu**

Beliau berkata, selain menggalakkan pelajar Bumiputera mem-babitkan diri dalam bidang keusahawanan, ia adalah peluang untuk mengembangkan perniagaan dengan bantuan dana yang disediakan PUNB.

"Saya yakin dengan pengisian dan sokongan yang mantap daripada pelbagai pihak, peserta yang menyertai program ini tidak akan pulang dengan tangan kosong, sebaliknya mem-bawa semangat dan pemikiran baharu dalam dunia perniagaan," katanya.



**Shamshubaridah (lapan dari kanan)** bersama-sama pelajar yang menyertai program Budding-PUMA.